



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	2 JUNE 2016

Asas kukuh senjata depanti ketidaktentuan ekonomi - Najib

um - 2/6/2016

KUALA LUMPUR 1 Jun - Langkah Malaysia mengutamakan pengukuhan asas-asas ekonominya menjadi senjata kepada negara berdepan ketidaktentuan ekonomi dunia serta gangguan yang cuba memberi persepsi buruk terhadap Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau mengagakui terdapat perkara yang boleh dikawal kerajaan bagi memastikan ekonomi negara stabil seperti perlindungan pelabur dan membiarkan badan-badan penyelia menjalankan tugas dengan bebas.

Namun, beliau berkata, terdapat juga faktor luaran yang sukar dikawal seperti kejatuhan harga minyak dunia dan kelembapan pertumbuhan ekonomi China yang memberi impak secara langsung kepada Malaysia.

"Kita juga menerima gangguan-gangguan luaran, namun dengan mempunyai asas ekonomi yang baik semuanya akan pulih dengan sendirinya.

"Misalnya, apabila desas-desus mengenai langkah Amerika

Syarikat (AS) mengubah kadar faedahnya, ringgit menjadi mata wang serantau paling kukuh dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini. Malaysia juga menerima pelaburan langsung asing yang meningkat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan dalam Forum Ekonomi Dunia (WEF) Peringkat ASEAN 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen; Perdana Menteri Timor Leste, Dr. Rui Maria de Araujo; Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla; dan Timbalan Perdana Menteri Vietnam, Trinh Dinh Dung.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri memberitahu, mengikut perkiraan setiap perubahan satu peratus ekonomi China akan memberi impak 0.4 peratus kepada ekonomi Malaysia, manakala bagi setiap perubahan AS\$1 (RM4.10) harga minyak dunia akan memberi impak sehingga RM450 juta kepada pendapatan kerajaan.